

133 sertai Program Mesra Pembekal Jabatan Bendahari di UMS

AJST 4.S.2019 5

KOTA KINABALU: Seramai 133 peserta hadir memeriahkan Program Mesra Pembekal Jabatan Bendahari 2019 yang diadakan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Bendahari UMS, Zalifah Shadan berkata program tersebut dianjurkan dengan matlamat untuk memberi pemahaman kepada para pembekal tentang tatacara perolehan kerajaan dan pentadbiran kontrak bekalan, perkhidmatan dan kerja-kerja.

“Dengan kefahaman ini, UMS amat berhasrat agar pembekal dan syarikat-syarikat yang berdaftar di UMS mempunyai semangat kerjasama yang tinggi khasnya dalam urusan berkaitan.

“Selain itu, kita juga berharap agar prestasi yang baik dapat dikekalkan dalam penyampaian dan usaha bagi menyiapkan projek-projek UMS,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir merasmikan program tersebut di sini kelmarin.

Jelasnya, UMS sentiasa menganggap pihak pembekal yang berdaftar sebagai sebahagian daripada keluarga UMS.

“Kita semua adalah satu keluarga dan saya percaya program kali ini mampu memberi manfaat kepada seluruh peserta yang hadir, ujar beliau.

Turut hadir Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Noor Hapipah Samat, Timbalan Bendahari Kanan Badrul Hisham Ismail dan barisan timbalan-timbalan bendahari.-
Oleh Noorzafira Shafie



KENANGAN BERSAMA...Para peserta dan kakitangan Jabatan Bendahari UMS bergambar bersama selepas tamat program kelmarin.